

12 SEP 2003

Bajet-Reaksi (Atlet)

BIASISWA AKAN JADI PEMANGKIN KEMAJUAN ATLET

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Langkah kerajaan menyediakan biasiswa kepada ahli sukan yang telah berjaya mengharumkan nama negara, bagi melanjutkan pelajaran dianggap sebagai pemangkin ke arah membangunkan mutu sukan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Jaguh pelari jarak jauh negara, M.Ramachandran, mengakui hakikat itu dan menyifatkan bahawa langkah tersebut seharusnya dilihat sebagai insentif baru untuk meningkatkan prestasi ahli sukan negara.

"Apa yang ditawarkan oleh kerajaan itu merupakan satu langkah yang bijak dan sekurang-kurangnya ia akan mendorong atlet negara untuk mencapai lebih banyak kejayaan," kata Ramachandran ketika dihubungi hari ini.

Menurut Ramachandran, biasiswa yang ditawarkan itu akan membolehkan seorang atlet itu untuk meneruskan kerjayanya dalam bidang kejurulatihan sebaik bersara daripada acara masing-masing.

"Untuk memiliki biasiswa tersebut seseorang atlet itu hendaklah membuktikan keupayaannya sebelum berhasrat untuk meneruskan kerjaya sebagai jurulatih dan seterusnya menikmati biasiswa yang ditawarkan itu bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang kejurulatihan sama ada di dalam mahupun di luar negara," kata Ramachandran.

Dengan adanya kemudahan yang disediakan itu, sekurang-kurangnya para atlet boleh merancang masa depan mereka apabila zaman kegemilangan di arena sudah berakhir, dan seterusnya bertukar arah dalam bidang kejurulatihan, katanya.

"Kalau berazam untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejurulatihan atau yang ada kaitannya dengan pembangunan sukan, seseorang atlet itu hendaklah membuktikan dirinya terlebih dahulu di arena...jadi, saya rasa biasiswa yang dicadangkan ini seharusnya menjadi perancang untuk memajukan diri," kata Ramachandran yang mengungguli acara jarak jauh empat Sukan SEA lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan akan menyediakan biasiswa kepada ahli sukan yang telah mengharumkan nama Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di dalam atau luar negara bagi membolehkan mereka menjadi jurulatih atau pengurus dalam bidang yang mereka minati.

Ketika membentangkan Bajet 2004, Dr Mahathir berkata bahawa langkah itu ialah bagi menghargai susah payah atlet negara dalam perjuangan mereka.

Bekas pelari pecut negara Azmi Ibrahim juga menyambut baik langkah tersebut sambil menyatakan bahawa ia seharusnya dipergunakan sepenuhnya oleh para atlet yang berazam untuk meneruskan karier sukan mereka dalam bidang kejurulatihan.

"Sebelum itu kemampuan di arena hendaklah dibuktikan terlebih dahulu. Saya lihat ia sebagai insentif untuk melengkapkan diri bagi mengharumkan nama negara dalam mana-mana pertandingan peringkat antarabangsa," kata Azmi.

-- BERNAMA
AHA AHA MOZ